



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

PERSIAPAN MENUJU RAMADAN

Tarikh Dibaca:

**27 SYAABAN 1445H /
8 MAC 2024**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْ بَدَأَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

PERSIAPAN MENUJU RAMADAN
8 MAC 2024 / 27 SYAABAN 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ۝۱۸۳

(سورة البقرة)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Berikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan janganlah melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual dan bermain telefon bimbit. Mudah-mudahan khutbah ini akan memberi banyak pengajaran kepada kita semua.

Pada hari ini saya akan membicarakan khutbah bertajuk: “**Persiapan Menuju Ramadan**”.

Sebelum itu, saya ingin mengingatkan seluruh umat Islam untuk terus mendoakan penduduk Palestin yang ditindas teruk oleh rejim zionis Israel. Mereka kini turut diancam kebuluran kerana kekurangan bekalan makanan apatah lagi hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi akan tiba Bulan Ramadan. Maka teruslah bermunajat kepada Allah SWT memohon pertolongan buat mereka. Semoga mereka semua diberi kekuatan, kesabaran, dan kemenangan dalam mematahkan segala muslihat dan tipu daya rejim zionis *laknatullahi 'alaih*.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam beberapa hari sahaja lagi kita akan masuk ke Bulan Ramadan. Bulan yang sangat kita rindukan lantaran terlalu banyak tawaran dan keutamaan. Ramadan juga merupakan ladang pahala yang tersangat luas dengan pelbagai aktiviti ibadah dilipatgandakan ganjarannya oleh Allah SWT. Kemuliaan Ramadan diabadikan melalui banyak untaian sabda Rasulullah SAW. Antaranya seperti hadis yang direkodkan oleh Imam al-Bukhari bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ وَمَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا
وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ وَمَنْ قَامَ لَيْلَةَ الْقَدْرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ
مِنْ ذَنْبِهِ

Maksudnya: *“Barangsiapa melakukan ibadah puasa kerana keimanan dan mengharapkan pahala dari Allah Azza wa Jalla, maka diampuni dosanya yang lalu. Barangsiapa melakukan ibadah solat malam kerana keimanan dan mengharapkan pahala dari Allah Azza wa Jalla, maka diampuni dosanya yang lalu. Barangsiapa melakukan ibadah solat malam pada malam al-qadar kerana keimanan dan mengharapkan pahala dari Allah Azza wa Jalla, maka diampuni dosanya yang telah lalu”.*

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Sebagai muslim, sudah semestinya kita perlu persiapkan diri sama ada dari segi mental dan fizikal kerana kita tidak mahu momen yang sangat berharga ini berlalu pergi begitu sahaja tanpa kita mendapat apa-apa faedah dan kelebihan yang ditawarkan. Betapa ruginya jika kita membiarkan kelebihan-kelebihan tersebut berlalu tanpa kita ada usaha

untuk meraihnya. Kita juga belum tentu lagi dapat bertemu dengan Ramadan walaupun hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi. Lihat sahaja, banyak orang di sekeliling kita yang telah pun pergi sebelum tibanya Ramadan. Justeru, hanya kepada Allah SWT jualah tempat kita memohon agar dipanjangkan usia untuk bertemu Ramadan dan bersungguh-sungguh melaksanakan ibadah padanya.

Setiap muslim juga perlu persiapkan diri dengan memperkemas kefahaman ilmu agama terutamanya berkaitan Ramadan dan kewajipan-kewajipan yang terkandung padanya seperti ibadah puasa, zakat dan sebagainya. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ يُرِدُ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ

Maksudnya: “Barangsiapa dikehendaki kebaikan oleh Allah, maka Dia (Allah) akan memberikan pemahaman kepadanya tentang al-din (cara hidup berlandaskan Islam)”.
(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Seorang Muslim sama ada lelaki mahupun wanita berkewajipan untuk bersungguh-sungguh dalam menunaikan kewajipan yang telah ditaklifkan oleh Allah SWT serta menjauhi segala larangan Allah SWT. Lebih-lebih lagi dalam Bulan Ramadan kerana disebutkan melalui sabda Rasulullah SAW bahawa para malaikat berseru kepada manusia untuk memperbanyak melakukan ketaatan dan menghindari segala bentuk maksiat dan kemungkar. Sabda Rasulullah SAW:

إِذَا كَانَتْ أَوَّلُ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ صُفِّدَتِ الشَّيَاطِينُ وَمَرَدَةُ الْجِنِّ وَغُلِّقَتْ أَبْوَابُ النَّارِ فَلَمْ يُفْتَحْ مِنْهَا بَابٌ. وَفُتِحَتْ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ فَلَمْ يُغْلَقْ مِنْهَا بَابٌ. وَنَادَى مُنَادٌ: يَا بَاغِيَ الْخَيْرِ اقْبَلْ. وَيَا بَاغِيَ الشَّرِّ أَقْصِرْ. وَلِلَّهِ عِتْقَاءُ مِنَ النَّارِ. وَذَلِكَ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ

Maksudnya: “Jika malam pertama Bulan Ramadan sudah tiba, maka syaitan-syaitan dan jin nakal dibelenggu, pintu-pintu neraka Jahannam ditutup tidak ada satu pun yang terbuka, pintu-pintu syurga dibuka, tidak ada satu pun yang tertutup. Kemudian ada malaikat yang menyeru, “Wahai para pencari kebaikan! Menghadaplah (kepada Allah Azza wa Jalla dengan memperbanyak ketaatan)! Wahai para pelaku keburukan!

Berhentilah! Sesungguhnya Allah Azza wa Jalla memiliki banyak hamba yang dibebaskan dari seksa api neraka. Itu terjadi setiap malam (Bulan Ramadan)”. (Hadis riwayat Imam al-Tirmidzi)

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Pesanan persiapan menuju Ramadan ini bukan hanya ditujukan kepada kaum lelaki sahaja, tetapi merangkumi seluruh umat Islam baik lelaki dan wanita. Para suami dan ayah yang ada di sini bertanggungjawab pula menyampaikan pesanan ini kepada isteri dan anak perempuan masing-masing kerana kaum wanita juga perlu dipelihara dan diberikan pesanan dan peranan yang baik terutamanya dalam urusan agama. Bertepatan juga dengan Hari Wanita yang disambut pada 8 Mac bertujuan menghargai kaum wanita terutamanya mereka yang berada dalam lingkungan keluarga terdekat kita seperti ibu, isteri, anak perempuan dan adik-beradik kita yang lain. Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, saya ingin membuat beberapa rumusan:

Pertama: Kemuliaan dan keistimewaan Ramadan banyak disebut dalam al-Quran dan untaian-untaian sabda Rasulullah SAW.

Kedua: Hanya tinggal beberapa hari sahaja lagi sebelum tiba Ramadan, setiap muslim perlu persiapkan diri – fizikal dan mental – juga memantapkan kefahaman agama terutamanya hal ehwal berkaitan ibadah puasa, zakat, tarawih dan sebagainya.

Ketiga: Perbanyakkanlah melakukan amal ibadah terutamanya dalam Bulan Ramadan sama ada bagi lelaki dan wanita dan tinggalkanlah segala bentuk maksiat dan kemungkaran kerana tiap-tiap kebaikan akan diberi ganjaran oleh Allah SWT manakala setiap kemungkaran akan mendapat balasnya kelak.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Nahl ayat 97:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْتَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً ۖ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ٩٧

Maksudnya: “Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
 اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ د-فَرْتَوَانِ ائْخُوغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاغْ فَرْمَالِيَسُورِي ائْخُوغْ، رَاغْ زَارِيثُ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رِخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ، الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ
بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ، اللَّهُمَّ شَتِّتْ شَمْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَاجْعَلِ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ،
اللَّهُمَّ أَحْصِهِمْ عِدْدًا، وَاقْتَلْهُمْ بَدَدًا، وَلَا تَغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ أَنْزِلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ
عَاوَنَهُمْ، بِأَسْكَ الَّذِي لَا يَرُدُّ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ. اللَّهُمَّ أَرْسِلْ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ،
تَرْمِيهِمْ بِحِجَارَةٍ مِنْ سِجِّيلٍ، فَجَعَلَهُمْ كَعَصْفٍ مَأْكُولٍ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَائِنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ، وَفَرِّقْ
جَمْعَهُمْ وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلْزِلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ، يَا
جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ يَا اللَّهُ. اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ، يَا مُجْرِيَ السَّحَابِ، يَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ،
إِهْزِمِ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ، إِهْزِمْهُمْ! إِهْزِمْهُمْ! وَأَنْصِرِ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْحُنَّ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.